

CIDB mengenakan kompaun pemaju di tapak pembinaan di Jalan Pekeliling Lama

# Guna besi perancah sampai berkarat

Oleh AZMI NORDIN

**KUALA LUMPUR** – Penggunaan berulang kali besi perancah (A-Frame) sehingga ada yang berkarat antara kesalahan yang dikesan menerusi serbuan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di sebuah tapak pembinaan di Jalan Pekeliling Lama, di sini semalam.

Operasi bersepadu bermula pukul 9 pagi itu turut memabitkan Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).

Wartawan *Kosmo!* yang mengikuti serbuan mendapati mendapati terdapat beberapa perancah besi digunakan sebagai penyangga dipercayai mampu merisikokan kemalangan di tempat pembinaan.

Selain itu, terdapat beberapa pekerja warga asing yang tidak terlatih didapati ditugaskan untuk membuat pekerjaan di luar



**PENGUATKUASA CIDB memeriksa pekerja warga asing di tapak pembinaan, di Jalan Pekeliling Lama, Kuala Lumpur semalam. – SHIDDIEQIIN ZON**

kepakaran mereka seperti membancuh simen.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sebanyak 174 lawatan tapak dilakukan membawa kepada pembukaan 91 kertas siasatan sepanjang tahun ini sehingga April.

Jelas beliau, antara kesalahan ketara di tempat pembinaan adalah penyalahgunaan besi perancah dan kontraktor tidak berdaftar dengan CIDB.

“Tindakan yang dikenakan terhadap kesalahan dilakukan akan dibuat mengikut bidang

kuasa agensi masing-masing untuk dipertimbangkan, macam JKN ada kesan empat tempat pembinaan nyamuk aedes dan pihak Imigresen ada buat semakan pada pekerja warga asing.

“Dengan adanya serbuan mengejut ini, diharapkan dapat

menyampaikan mesej kepada pemain industri agar mematuhi piawaian ditetapkan,” katanya pada sidang akhbar di lokasi serbuan.

Sementara itu, Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Mohd Zaid Zakaria berkata, lawatan di tapak pembinaan turut menemui beberapa besi perancah yang berkarat serta tidak berkualiti digunakan untuk kerja pembinaan.

“Struktur besi yang tidak berkualiti boleh menyebabkan ia patah, perancah ini sepatutnya digunakan hingga tiga kali sahaja, banyak kejadian di tapak pembinaan berlaku disebabkan besi perancah dijadikan untuk menampung beban konkrit.

“Jika beban terlampau berat ia akan jatuh dan mengakibatkan kehilangan nyawa pekerja seperti yang berlaku baru-baru ini di Batu Kawan, Pulau Pinang,” katanya.

Tambah beliau, ketamakan segelintir pemaju enggan mengeluarkan duit membeli besi perancah yang baharu antara punca perancah besi lama masih digunakan sampai sekarang dan berulang kali.